

**KOMITMEN GURU DALAM PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM****TEACHERS'S COMMITMENT IN IMPLEMENTING ISLAMIC EDUCATION E-
LEARNING**Tengku Sarina Aini Tengku Kasim¹, Nur Eliza Mohd Noor², Yusmini Md Yusoff³¹Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia, tgsarina@um.edu.my²Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia, s2023911@siswa.um.edu.my³Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia, yusmini@um.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

Abstrak

Konsep pembelajaran secara dalam talian merupakan pendekatan baharu dalam pengendalian proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan di Malaysia. Konsep ini mengimplimentasikan pembelajaran elektronik atau e-pembelajaran dengan memanfaatkan teknologi komputer dan jaringan komputer atau internet. E-pembelajaran membolehkan pendekatan pengajaran yang bertumpu kepada guru diubah kepada pembelajaran berpusatkan murid. Guru yang komited perlu sentiasa memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan sepenuhnya, walaupun kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui medium e-pembelajaran. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan kepentingan komitmen guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual dengan menganalisis kajian-kajian lepas daripada buku-buku, jurnal-jurnal dan sumber lain yang relevan. Hasil daripada analisis terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam kurang persediaan dan kemahiran berkaitan teknologi dalam pendidikan walaupun telah diberi kursus yang berkaitan namun, sebelum ini ia hanya sebagai pelengkap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Beberapa isu yang timbul semasa pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam iaitu motivasi, sikap, kemahiran dan kesediaan guru turut dibincangkan. Justeru, kajian ini memberikan beberapa cadangan untuk memperkukuhkan komitmen guru dalam memastikan matlamat pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam tercapai. Impak kajian ini kepada guru-guru Pendidikan Islam agar meningkatkan kompetensi dalam menghadapi pendidikan di era baru ini, dengan meningkatkan kemampuan dan kreativiti dalam memanfaatkan e-pembelajaran. Hal ini kerana komitmen guru dan sikap guru pendidikan Islam memainkan peranan besar dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik pelajar dan juga pembentukan sahsiah pelajar.

Kata Kunci: e-Pembelajaran, Pendidikan Islam, Komitmen Guru.

Abstract:

The concept of online learning is a new approach in administrating the teaching and learning process in Malaysian educational institutions. This concept requires the implementation of electronic learning or e-learning by utilizing computer technology and its network or the internet itself. E-learning enables the changing of teaching approaches from teacher-centred to student-centred learning. A committed teacher must constantly ensure that the teaching and learning objectives are achieved, even though the teaching and learning method is executed through the e-learning platform. The objective of this research is to discuss on the importance of the teacher's commitment in implementing Islamic E-learning Education. Therefore, this research is custom to literature review method as well as conceptual method by analysing the preceding studies from books, journals and other relevant sources. The result of the analyses on the previous studies shows that Islamic Education teachers are not well verse in skills related to technology in education despite having been provided with necessary training, as it was assumed to be part of the accompaniment in teaching and learning process earlier. The finding of the study shows that there are few issues identified among the Islamic Education teachers during the implementation of e-learning; which are motivation, attitude, skills and teacher readiness are also being brought to the discussion. Therefore, this study provides few proposals to strengthen the teacher's commitment in ensuring the objective of Islamic E-learning Education is accomplished. The impact of this study on Islamic Education teachers is to enhance their competency in dealing with education in this new era, by improving their competencies and creativity while exploiting e-learning. This is because the teacher's commitment and the attitude of the Islamic education teacher play a significant role in enhancing the student's excellent in academic performance as well as the development of the student's personality.

Keywords: E-Learning, Islamic Education, Teachers' Commitment

1.0 Pengenalan

Pencapaian akademik dan sahsiah pelajar merupakan salah satu agenda yang harus dicapai dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) sebagaimana yang ditetapkan dalam bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Bagi merealisasikannya, guru perlu bertindak sebagai peneraju utama dalam melaksanakan pelbagai dasar dan program yang terkandung dalam GTP tersebut. Selain tugas hakiki mengajar, semua dasar dan program yang dirancang bagi meningkatkan kemenjadian murid perlu dipikul oleh guru. Secara tidak langsung, akibat terlalu banyak tugas yang dirancang, kemungkinan akan menimbulkan beberapa isu seperti peningkatan beban kerja yang seterusnya mempengaruhi komitmen guru dalam mengajar dalam menjalankan tugas hakiki mereka (Mohamad et al., 2016).

Kini, tugas guru bertambah lagi setelah negara dilanda wabak Covid 19. Dalam situasi ini, para guru terpaksa beralih daripada kaedah pembelajaran secara tradisional kepada pembelajaran dalam talian atau e-pembelajaran. Perubahan ini juga memberi kesan kepada tugas guru apabila terpaksa mendalami ilmu dan kemahiran berkaitan teknologi, demi memastikan pembelajaran anak murid tidak ketinggalan walaupun

medium pembelajaran yang diguna pakai adalah berlainan. Pembelajaran secara elektronik dengan menggunakan teknologi sebagai medium pembelajaran ini sebenarnya sangat bagus untuk melatih setiap individu agar dapat belajar secara sendiri, berinteraksi, membina kemahiran berkomunikasi serta melatih diri lebih berdisiplin dalam pengurusan waktu kerana ia boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa (Setiyowati et al., 2020). Namun, apabila perubahan dalam kaedah pengajaran ini berlaku secara mendadak, ia sudah pasti memerlukan usaha dan komitmen yang tinggi oleh guru untuk memantapkan diri dalam kemahiran mengaplikasikan teknologi e-pembelajaran ini.

Sebagai Guru Pendidikan Islam, mereka bertanggungjawab bukan sekadar untuk menyampaikan ilmu dan menghabiskan silibus pengajaran sahaja kepada anak murid, malah lebih berat lagi dengan amanah untuk membina sahsiah dan peribadi anak didik. Walau bagaimanapun, tugas mengajar dan mendidik yang dipertanggungjawabkan kepada mereka menjadi semakin berat dan sukar pada masa kini kerana situasi pembelajaran melalui e-pembelajaran tidak sama sebagaimana situasi pembelajaran di dalam kelas sebelum ini. Bebanan tugas ini seringkali menjadi antara faktor penyebab kepada guru menghadapi tekanan selain daripada masalah sahsiah murid (Ismail, 2015). Justeru, hanya guru Pendidikan Islam yang memiliki komitmen yang tinggi dan menjiwai sepenuhnya profesion keguruan boleh menghasilkan pendidikan yang berkualiti (Norhannan Ramli et al., 2016). Walau apa cabaran yang dihadapi, mereka dapat menghadapinya dengan sebaik mungkin. Hal ini kerana kejayaan dalam mencapai matlamat Pendidikan Islam bergantung pada keberkesanan peranan dan tugas yang dijalankan oleh guru Pendidikan Islam dengan komitmen yang tinggi. Tugas guru Pendidikan Islam tidak hanya terbatas sebagai penyampai ilmu semata-mata bahkan mereka berperanan sebagai *Muallim*, *Muaddib*, *Mursyid*, *Mudarris* dan *Murabbi* walaupun pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Konsep *Lima Mim* yang disebutkan ini menggambarkan bahawa guru bukan sekadar bertindak mengembangkan akhlak dalam diri pelajar (*Murabbi*), bukan juga sekadar memindahkan ilmu pengetahuan semata-mata (*Muallim*), tetapi guru juga turut sama mengaplikasikan akhlak dan keperibadian yang mulia dalam kehidupan seharian agar menjadi contoh kepada pelajar (*Muaddib*) serta mengajar dengan berkesan (*Mudarris*) dan mampu membimbing pelajar ke arah kebaikan (*Mursyid*).

2.0 Metodologi

Artikel ini melibatkan penulisan kajian literatur dan tidak melibatkan kajian lapangan. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual. Penelitian yang dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur yang diperoleh daripada buku-buku, jurnal-jurnal, dan sumber-sumber lain yang relevan. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan komitmen guru dalam memastikan pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam yang berkesan. Beberapa isu yang timbul seperti masalah dan kekangan yang berlaku dalam interaksi antara guru dan murid serta ibu bapa, kurangnya kemahiran guru dalam teknologi dan tiada persediaan yang rapi oleh guru yang menjadi punca kepada kelemahan dalam pelaksanaan e-

pembelajaran juga akan dikupas. Selain itu, cadangan tentang komitmen dan usaha yang dapat dilakukan oleh guru bagi mengatasi masalah ini turut dibincangkan.

3.0 Definisi Komitmen

Komitmen secara umumnya adalah merupakan perasaan dalaman dan semangat ketika menjalankan tugas (Yukl, 2010). Perkataan ini berasal daripada perkataan Latin iaitu *cum* dan *mittere* yang bermaksud menghubungkan, menggabungkan, dan mencampurkan (Reeder 2014). Dengan erti kata lain perkataan komitmen merujuk kepada tahap perhubungan dan kekal bersama. Sebagai contoh, melakukan sesuatu yang lebih bermakna dalam kehidupan seperti komitmen dalam melakukan sesuatu kerja atau komitmen dalam hubungan mahupun aktiviti yang dilakukan. Meyer et al., (1993) menyatakan komitmen merupakan suatu rangsangan yang mengikat seseorang individu untuk mencapai sesuatu matlamat sama ada dalam bentuk sosial mahupun bukan sosial dan mereka mengambil tindakan yang sesuai untuk mencapai matlamat tersebut. Menurut Cohen (1992), komitmen merupakan dorongan internal atau dalaman yang mengikat seseorang individu untuk melakukan suatu tindakan bagi mencapai sesuatu matlamat. Ia juga sering diistilahkan sebagai suatu sikap yang merefleksikan kepada kesetiaan dalam melakukan sesuatu perkara. Kesetiaan yang dimaksudkan adalah seperti kesetiaan kepada organisasi yang ditunjukkan oleh para pekerja yang merupakan kunci utama bagi menghasilkan prestasi kerja yang baik (Hendharsa, 2019). Oleh itu, komitmen ini perlu disertai dengan sifat dedikasi dalam melakukan sesuatu.

Contoh lain berkaitan mengenai komitmen ialah komitmen terhadap pekerjaan. Komitmen dalam pekerjaan bermaksud sejauh mana seseorang pekerja itu melaksanakan tugasnya dengan bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi atau bekerja seolah-olah organisasi itu miliknya sendiri (Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy, 2010). Apabila seseorang itu memberikan komitmen dalam pekerjaannya bererti seseorang itu akan bekerja bersungguh-sungguh walaupun kerja itu sukar untuk dilaksanakan. Menurut Herold et al., (2008) komitmen yang tinggi kepada sesuatu kerja dapat mencetuskan kejayaan yang membanggakan. Walau bagaimanapun, komitmen tidak semestinya menunjukkan hasil dengan serta merta. Ada kalanya ia mengambil masa untuk mencapai sesuatu hasil yang diharapkan. Faedah atau manfaat yang bakal diperoleh daripada hasil memberikan komitmen kepada sesuatu pekerjaan bukan sahaja dapat dinikmati oleh orang lain seperti ahli kumpulan, rakan kongsi mahupun kanak-kanak, sebaliknya nikmatnya juga dapat dirasa oleh diri sendiri. Oleh itu, komitmen merupakan suatu proses dan usaha yang berterusan bagi memastikan sesuatu matlamat itu dapat dicapai (Reeder 2014).

Dalam Islam, sesuatu tugas atau pekerjaan itu adalah amanah yang wajib ditunaikan dan ia merupakan satu tanggungjawab ke atas seseorang itu untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Setiap individu di dunia ini memiliki tugas dan tanggungjawab masing-masing bersesuaian dengan peranan mereka dalam kehidupan sosial. Sebagai contoh, seorang ketua keluarga atau seorang ayah mempunyai tanggungjawab ke atas isteri dan anak-anak. Seorang pentadbir di pejabat atau di sekolah bertanggungjawab ke atas kebajikan staf atau pekerjaannya. Begitu juga seorang guru, bertanggungjawab ke atas pencapaian dan kementerian anak didiknya di sekolah. Apabila seseorang itu tidak menunaikan amanah yang telah diberikan dan tidak

menjalankan tanggungjawab dengan baik, maka akan berlaku kepincangan dalam sesebuah organisasi atau kehidupan sosial mereka (Anwar, 2014).

Dalam konteks kajian ini, komitmen guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran yang berkesan merujuk kepada komitmen guru terhadap pihak sekolah iaitu kepercayaan guru terhadap matlamat yang ingin dicapai pihak sekolah berdasarkan visi dan misi sekolah iaitu terus berusaha bagi melahirkan insan yang cemerlang dan terbilang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Di sekolah, komitmen seseorang guru dapat dilihat melalui prestasi kerja guru dan kebolehan guru untuk melaksanakan sesuatu inovasi. Pelaksanaan e-pembelajaran ini merupakan salah satu contoh inovasi dalam bidang pendidikan ke arah pembelajaran abad ke-21. Usaha ini secara tidak langsung dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan teknologi guru serta dapat mendorong para guru agar lebih kompeten dalam pekerjaannya (Somantri, 2021). Ini juga bertepatan dengan pandangan daripada Rozak (2020), yang menyatakan bahawa profesionalisme seorang guru adalah komitmen dalam menjalankan tugasnya dan juga berani dalam melakukan inovasi semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Glick (1985), komitmen seorang guru juga dapat terhasil daripada pengalaman yang didapati dari persekitaran sekolah. Apabila guru memiliki komitmen dan kepuasan kerja yang tinggi, ia boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dan juga prestasi sekolah secara tidak langsung (Mohamad et al., 2016). Begitu juga sebaliknya, timbal balik hasil daripada komitmen yang diberikan oleh guru dalam tugas mengajar serta mendidik ini sekaligus dapat meningkatkan kualiti kerja guru. Seterusnya hasil daripada kualiti guru ini pula dapat mempengaruhi komitmen murid untuk belajar (Rohani et.al., 2010). Oleh itu dapat dilihat di sini bahawa sebarang pekerjaan yang dilakukan dengan komitmen yang utuh akan melahirkan perasaan yang senang bagi individu yang terlibat dalam melaksanakannya dan matlamat pembelajaran akan dapat dicapai dengan mudah.

Begitu juga dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam yang begitu menekankan aspek pembinaan sahsiah murid dalam objektif pembelajarannya memerlukan usaha yang lebih daripada guru terutama guru Pendidikan Islam kerana terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh guru semasa pelaksanaannya. Menurut Bahrom (2020), keberkesanan e-pembelajaran tidak seperti interaksi secara fizikal iaitu melalui proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas terutama bagi murid di peringkat rendah. Kekangan yang dihadapi dari aspek interaksi dan komunikasi semasa pelaksanaan e-pembelajaran menyukarkan lagi tugas guru Pendidikan Islam dalam melakukan usaha membentuk sahsiah murid. Namun, dengan adanya komitmen guru, ia berkemungkinan dapat membantu dalam menjadikan e-pembelajaran ini berkesan seterusnya mencapai objektif pembelajaran. Bagaimana komitmen yang dapat diberikan oleh guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran ini perlu dibincangkan dengan lebih jelas agar kekangan yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam terutama dari aspek membina sahsiah murid dapat diatasi. Justeru, guru berkomitmen dalam memantapkan diri dan menyediakan diri dengan ilmu dan kemahiran bagi membimbing murid melalui pelaksanaan e-pembelajaran dengan penuh berdisiplin, ikhlas dan bertanggungjawab.

4.0 Komitmen Guru dalam Mengajar serta Membina Sahsiyah

Institusi pendidikan atau sekolah berperanan dalam membina sahsiah pelajar. Guru, sebagai pelaksana dalam institusi pendidikan atau sekolah perlu bekerja keras dalam memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Keperibadian dan sahsiah pelajar juga dapat dibentuk melalui keperibadian yang dimiliki oleh guru yang mengajar (Sutisna et al., 2019). Apabila guru ingin membina sahsiah murid, guru perlu terlebih dahulu menjadi seorang individu yang bersahsiah kepada murid. Secara umumnya sahsiah dalam Islam memiliki ciri-cirinya tersendiri iaitu seseorang itu haruslah memiliki sahsiah yang merdeka, bebas dan mantap serta dapat menerima sebarang perubahan yang berlandaskan tuntutan Islam (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017). Menurut Umar Hashim (1997), sahsiah dalam Islam perlu memiliki dua elemen iaitu kekuatan iman dan juga kekuatan fizikal. Kekuatan iman dapat mendorong seseorang agar sentiasa melakukan kebaikan manakala kekuatan fizikal dapat mendorong seseorang untuk turun berjihad dalam menegakkan kebenaran.

Pendidikan dalam Islam bertujuan untuk melahirkan manusia yang memiliki sahsiah yang baik dan terpuji seiring dengan matlamatnya untuk membangunkan modal insan yang memiliki jati diri berasaskan al-Quran dan al-Sunnah (Hasbullah et.al., 2020). Pendidikan Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah mengandungi elemen akidah dan ibadah yang mendidik pelajar ke arah pengabdian diri kepada Allah SWT, di samping membentuk akhlak yang terpuji melalui elemen adab. Elemen adab di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bukan sekadar untuk disampaikan kepada murid bahkan ia harus diberi penilaian dari aspek sahsiah dan dipastikan kemenjadian murid tersebut. Pendidikan Islam dapat membentuk identiti dan membina watak serta keperibadian murid sama ada secara formal iaitu proses pendidikan yang berlaku di sekolah dan juga secara tidak formal iaitu proses pendidikan yang berlaku di rumah atau interaksi bersama rakan sebaya. Guru perlu menitik beratkan perkembangan murid secara holistik iaitu membentuk serta mengembangkan segala aspek kesempurnaan individu yang mencakupi aspek fizikal, spiritual, mental dan sosial bagi melahirkan insan yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT (Baharom Mohamad et al., 2008). Ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam:

“Falsafah Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran dan keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Berdasarkan falsafah di atas, tugas guru bukan sekadar menyampaikan dan menghabiskan silibus sahaja bahkan perlu mendidik murid menjadi insan yang memiliki adab yang tinggi budi pekertinya. Usaha ini semestinya memerlukan komitmen daripada guru terutama guru Pendidikan Islam.

Tahap komitmen guru dalam mengajar dan membina sahsiah pelajar melalui tiga bahagian utama iaitu komitmen afektif, komitmen secara berterusan dan juga komitmen normatif. Bagi bahagian yang pertama iaitu komitmen afektif dalam kalangan guru adalah berkaitan dengan kehendak guru untuk melakukan sesuatu dalam membentuk sahsiah pelajar. Manakala secara emosinya pula guru mempunyai komitmen terhadap organisasinya dengan melaksanakan usaha membentuk sahsiah pelajar. (Lumley et al., 2011). Sehubungan dengan itu, selain tugas mengajar, guru perlu mengamalkan dan menghayati nilai-nilai murni yang diajar agar menjadi contoh teladan kepada pelajar sekolah di samping dalam masa yang sama mendapat sokongan daripada ibu bapa dalam membentuk sahsiah pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010). Berdasarkan bahagian yang kedua iaitu komitmen yang berterusan pula, guru perlu berusaha secara berterusan (Lumley et al., 2011) dengan menggerakkan usaha dan memainkan peranan yang menonjol dalam membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar di samping mewujudkan suasana pembelajaran sahsiah yang kondusif dan memberangsangkan. Seterusnya, bahagian yang ketiga iaitu komitmen normatif pula, guru perlu lakukan apa yang sepatutnya mereka lakukan kerana mereka mempunyai rasa tanggungjawab untuk terus berkhidmat dengan sekolah (Lumley et al., 2011). Justeru itu, mereka mempunyai rasa tanggungjawab untuk mencurahkan segala usaha dalam membentuk sahsiah pelajar dan menjadi tanggungjawab guru untuk melaksanakan usaha menerap sahsiah pelajar dengan teratur dan berkesan agar sahsiah pelajar dapat disemai dan dibentuk sekaligus dapat membantu masyarakat yang mempunyai moral, sosial dan kerohanian yang tinggi.

Komitmen guru adalah suatu keterikatan diri terhadap tugas dan kewajiban sebagai seorang pendidik yang dapat melahirkan tanggungjawab dan sikap responsif dan inovatif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Komitmen yang tinggi menjadi pegangan guru dan dapat melahirkan murid yang berkualiti dan memiliki sahsiah yang terpuji. Ini bertepatan dengan dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Norhannan Ramli et al.,(2016), yang mendapati bahawa komitmen guru yang tinggi dapat meningkatkan prestasi guru Pendidikan Islam dalam melahirkan murid yang berkualiti.

Kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran yang baik dan teratur dapat membentuk sahsiah pelajar dengan syarat guru perlu memiliki komitmen dalam mengajar dan mendidik. Hal ini kerana, komitmen guru dalam mengajar merupakan tanda mereka berdedikasi dalam menjalankan tugas dan ia menjadi tanggungjawab guru yang paling utama bagi menunjukkan kesungguhan dalam mengarahkan segala kemampuan profesional ketika melaksanakan tugas. Dalam hal ini, bagi memastikan guru memiliki komitmen diri, guru terlebih dahulu perlu membina diri mereka untuk menjadi model dan mentor sahsiah kepada pelajarannya. Hal ini kerana, dalam Islam, sebelum seseorang itu membentuk sahsiah atau keperibadian orang lain, beliau terlebih dahulu perlu memiliki sahsiah yang terpuji. Ini sekaligus menjadikan komitmen membentuk sahsiah pelajar sebagai suatu keutamaan terutama apabila wujud kelompangan sahsiah dalam kalangan pelajar dapat diperhatikan semasa berada di sekolah mahupun secara e-pembelajaran di rumah.

5.0 Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan E-pembelajaran Pendidikan Islam

Dalam memastikan pelaksanaan e-pembelajaran yang berkesan terutama dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, e-pembelajaran tersebut mestilah mencapai objektif pembelajaran dan matlamat Falsafah Pendidikan Islam iaitu melahirkan individu yang memiliki sahsiah atau keperibadian yang cemerlang. Oleh itu, pelbagai platform e-pembelajaran telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membantu guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan lancar dan mudah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Walau bagaimanapun beberapa masalah telah dikenal pasti semasa pelaksanaan e-pembelajaran ini antaranya ialah kurangnya interaksi antara guru dan murid, kurangnya kemahiran dan kompetensi guru dari segi penggunaan teknologi, dan juga terdapat guru yang masih belum bersedia sepenuhnya dengan pelaksanaan e-pembelajaran di rumah (Abadi, 2015; Ab Rahman et al., 2015; Nurdin, 2016). Oleh itu, beberapa aspek komitmen guru perlu difokuskan bagi meningkatkan kualiti e-pembelajaran yang berkesan.

1. Komitmen Dalam Hubungan Guru dengan Murid Serta Ibu Bapa Semasa Pelaksanaan E-pembelajaran Pendidikan Islam

Antara isu yang timbul dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam ialah berkaitan ruang yang secukupnya untuk para guru dan murid berinteraksi (Siti Nurbaizura, 2020). Beberapa kajian menunjukkan interaksi guru bersama murid masih di tahap sederhana dan murid kurang memberi maklum balas ketika pengajaran dalam talian dijalankan (Hashim et al., 2020). Selain itu, e-pembelajaran dilihat menyebabkan kurangnya komunikasi dua hala antara guru dan murid (Ishak & Mir Ahmad Talaat, 2020). Menurut Setiyowati et al., (2020) e-pembelajaran menyebabkan respon yang diterima sama ada daripada guru kepada murid atau sebaliknya adalah lambat. Isu-isu ini menyebabkan keberkesanan e-pembelajaran tidak dapat dicapai kerana keberkesanan e-pembelajaran memerlukan interaksi yang maksimum antara guru dan murid (Hartanto, 2016).

Justeru itu, bagi mengatasi isu ini, Setiyowati et al., (2020) menyarankan agar ada beberapa syarat agar e-pembelajaran yang dilaksanakan lebih berkesan antaranya ialah perlu ada interaksi yang aktif murid dan guru. Ini bersesuaian dengan prinsip e-pembelajaran yang merupakan medium pembelajaran konvensional yang menuntut agar murid lebih aktif dan bertanggungjawab dengan proses pembelajaran mereka. Namun ia tidak bermakna guru tidak perlu mengambil berat tentang pembelajaran murid terutama apabila proses e-pembelajaran itu berlaku di rumah. Menurut Sidiq (2018), antara ciri-ciri komitmen guru profesional adalah mengambil perhatian terhadap situasi dan keadaan muridnya. Guru tidak boleh terlalu memikirkan untuk menghabiskan silibus dengan cepat sebaliknya dalam pelaksanaan e-pembelajaran guru-guru perlu memahami keadaan murid di rumah dan kemampuan murid agar pembelajaran dapat berlaku dengan baik. Sekiranya keadaan murid tidak diambil peduli dikhuatiri tahap motivasi pelajar menurun dan kurangnya keberkesanan pembelajaran murid (Muhamed Ganasan & Azman, 2021).

Selain itu, hubungan yang baik antara guru dan murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran dapat dipupuk dengan banyaknya interaksi dan komunikasi antara keduanya dan ia memerlukan komitmen daripada keduanya terutama guru. Ini bertepatan dengan pandangan Reeder (2014) apabila beliau menggambarkan bahawa komitmen ini seolah-olah sebagai membina suatu hubungan, atau mungkin suatu matlamat profesional dan ia perlu diiringi dengan kerja keras. Dalam konteks e-pembelajaran, komitmen dalam hubungan di sini menekankan kepada hubungan guru dan murid yang perlu lebih erat dan ia boleh diatasi dengan adanya interaksi dan komunikasi yang maksimum antara kedua belah pihak.

Dari aspek hubungan guru dengan ibu bapa pula, walaupun ibu bapa berperanan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak, namun guru-guru tidak boleh melepaskan tanggungjawab mendidik kepada ibu bapa kerana ia merupakan tanggungjawab bersama. Membina sahsiah murid memerlukan kepada *mujahadah* (ketekunan) dan latihan kejiwaan iaitu sentiasa melakukan kebaikan (Wahid, Muali, & Sholehah, 2018). Seorang guru itu perlu menunjukkan kesungguhan dalam mendidik anak muridnya untuk mencapai kebahagiaan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat kerana sahsiah anak murid amat bergantung kepada ibu bapa dan guru yang mendidiknya (Mukromin, 2019).

Cabaran yang paling getir apabila sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan adalah membentuk sahsiah murid. Namun, cabaran tersebut dapat diatasi dengan cara guru melibatkan ibu bapa dalam membentuk keperibadian murid di rumah. Hal ini kerana, kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam bergantung kepada komitmen Guru Pendidikan Islam dan kerjasama daripada kedua ibu bapa. Kejayaan ini dapat dicapai apabila kedua-dua pihak memainkan peranan masing-masing dengan baik kerana pembinaan sahsiah murid terbentuk hasil didikan guru dan juga persekitaran murid di rumah semasa proses e-pembelajaran berlaku (Nur Eliza et al., 2021). Oleh itu tidak dapat dinafikan dalam menjaga kualiti hubungan antara guru, murid dan ibu bapa memerlukan komitmen kerana komitmen merupakan faktor terpenting untuk mencapai sesuatu matlamat dalam kehidupan seharian.

II. Komitmen Guru Dalam Meningkatkan Tahap Kompetensi dan Kreativiti Semasa Pelaksanaan E-pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang menggunakan medium e-pembelajaran merupakan suatu inovasi di era teknologi sekarang yang perlu dimanfaatkan agar ia diterima oleh semua individu termasuk pelajar. Oleh itu, guru perlu mahir dalam menggunakan teknologi terkini agar dapat menjadikan e-pembelajaran lebih kreatif dan tidak membosankan (Mohd Noor & A Shukor, 2020). Namun, sebaliknya dapatan kajian daripada Noreenmayaeeranna Kamaruddin dan Ruslin Amir, (2021) menunjukkan sebilangan besar guru masih kurang cekap dengan penggunaan teknologi untuk menghasilkan rancangan pengajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran. Pembelajaran melalui medium e-pembelajaran ini memerlukan perancangan yang baik daripada guru bagi memastikan pelaksanaan dan keberkesannya meningkat di

samping mengurangi masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti kurangnya minat untuk belajar melalui medium ini (Muhamed Ganasan & Azman, 2021). Tugas dan usaha ini sudah semestinya memerlukan komitmen yang jitu daripada seorang guru bagi memaksimumkan hasil pembelajaran yang lebih baik.

Oleh itu, para guru perlu mempersiapkan diri dari aspek ilmu pengetahuan, kompetensi, keupayaan dan kemahiran dalam pendidikan terutama pembelajaran dalam talian. Sebagaimana yang disarankan oleh Ab Halim Tamuri (2021) agar guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan keupayaan dan pengetahuan mengenai media dan teknologi serta '*digital broadcasting*' untuk lebih maju ke hadapan dalam menghadapi anak murid yang celik teknologi sejak dari usia kecil. Kemahiran dan kompetensi guru dalam menggunakan serta mengendalikan teknologi amat perlu kerana sekiranya tidak dimanfaatkan dengan cara yang betul ia bakal memberi kesan kepada sahsiah pelajar (Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017b). Kemahiran dalam mengaplikasikan peralatan teknologi maklumat amat penting kerana guru dapat mengoptimumkan interaksi dua hala antara guru dan murid. Selain itu, guru juga perlu mempunyai pengetahuan kandungan pedagogi abad ke-21 kerana guru memainkan peranan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mengubah tingkah laku murid. Penggunaan e-pembelajaran ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kreativiti guru di samping lebih efisien (Setiyowati et al., 2020). Justeru, keupayaan guru memanfaatkan prasarana komunikasi secara maksimum untuk menyampaikan subjek Pendidikan Islam merupakan sebahagian daripada usaha ke arah memantapkan pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam. Sebagai seorang guru, seharusnya diberikan pendedahan dan pemantapan dari segi kemahiran dalam pengaplikasian teknologi dalam pendidikan yang efektif dari masa ke semasa agar mereka dapat mencapai tahap kompetensi yang tinggi.

III. Komitmen Guru Dalam Menerapkan Sikap dan Penerimaan yang Positif Terhadap E-Pembelajaran

Salah satu aspek dalam komitmen adalah kesediaan (Reeder, 2014). Kesediaan guru dalam menerima dan melaksanakan e-pembelajaran bukan dapat dicapai dalam masa yang pendek dan singkat bahkan ia memerlukan usaha dan komitmen guru yang berterusan dalam memantapkan diri dengan ilmu dan kemahiran teknologi. Dalam konteks e-pembelajaran ini, apabila guru-guru telah bersedia untuk menerima dan melaksanakan e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka, maka guru akan memberikan sepenuh usaha dan dedikasi ke atas pelaksanaannya. Menurut Noreenmayaeeranna Kamaruddin dan Ruslin Amir (2021), penerimaan guru yang positif terhadap e-pembelajaran berkait rapat dengan kemahiran dan kompetensi guru terhadap teknologi ini. Guru yang tidak bersedia melaksanakan e-pembelajaran mungkin kurang pengetahuan dan persediaan dari segi kompetensi teknikal dan juga kompetensi komunikasi. Bukan sahaja guru tidak berminat dengan pelaksanaan e-pembelajaran bahkan murid juga akan mengalami situasi yang sama. Guru-guru terutamanya perlu menerima perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan ini dengan lebih baik dan positif. Sebagai seorang pendidik, mereka haruslah memahami dengan mendalam berkenaan e-pembelajaran kerana sekiranya pemilihan medium

pembelajaran yang tidak sesuai dengan situasi murid akan menyebabkan objektif pembelajaran sukar dicapai (Setiyowati et al., 2020). Untuk menarik minat murid belajar dengan lebih berkesan melalui e-pembelajaran, sangat penting bagi guru juga bersama-sama bersedia menyahut seruan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menyediakan diri dari segi mental dan fizikal ke arah pembelajaran abad 21 dengan memanfaatkan teknologi demi kebaikan dan pencapaian murid. Sikap yang positif dalam melakukan anjakan paradigma dapat membuahkan hasil kejayaan yang cemerlang dengan usaha dan komitmen yang gigih.

6.0 Penutup

Sebagai kesimpulan, memandangkan komitmen merupakan unsur terpenting dalam membentuk sahsiah pelajar, maka guru perlu mempunyai komitmen yang tinggi agar usaha membentuk sahsiah pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan dan sempurna. Justeru itu, komitmen perlu sentiasa subur dalam sanubari guru agar matlamat untuk menjadikan pelajar hidup berakhlak dan memiliki sahsiah yang terpuji akan menjadi lebih bermakna. Di samping itu, ibu bapa perlu sentiasa menyokong aktiviti yang dijalankan oleh guru untuk anak mereka mengikuti e-pembelajaran kerana ibu bapa juga mempunyai tanggungjawab dalam membentuk sahsiah anak-anak dengan sempurna kerana ia adalah tuntutan dan kehendak agama. Oleh itu, setiap individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam sistem pendidikan perlu memastikan komitmen guru sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Kursus-kursus peningkatan profesionalisme dan kursus-kursus berkaitan pembelajaran abad 21 dan e-pembelajaran perlu dipertingkatkan dan dilaksanakan dengan terancang dan tidak membebankan. Begitu juga untuk menjana suasana e-pembelajaran yang kondusif, hubungan yang positif antara guru dan murid serta ibu bapa adalah penting. Hubungan ini memerlukan komitmen yang sangat tinggi daripada pihak guru agar ia kekal berterusan.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG005L-2021.

Rujukan

- Ab Rahman, H., Zainal, N., & Ab Karim, N. A. (2015). Keberkesanan Penggunaan ICT Di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *International Conference on Information Technology & Society*. Dibentangkan pada 8-9 Jun 2015. hlm. 238-252.
- Abadi, G. F. (2015). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Berbasis E-Learning. *Tasyri'; Jurnal Tarbiyah Dan Syari'ah Islamiyah*, 22(2), 1-13.
- Ahmad Umar Hashim (1997). *Al-Islam wa Bina' al-Shakhsyiyah*. Beirut: World of

Books.

- Anwar, S. S. (2014). Tanggung Jawab Pendidikan Dalam Perspektif Psikologi Agama. *Psychopathic : Jurnal Ilmiah Psikologi*. 1(1), 11-21.
- Hendharsa, A. H. (2019). Peran Komitmen Organisasional Dan Kompensasi Terhadap Kepuasan Kerja Dengan Moderasi Budaya Organisasi Karyawan Pt.PlN (Persero) Unit Induk Wilayah Kalimantan Barat. *Equator Journal of Management and Entrepreneurship (EJME)*. 8(1), 1-22.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin, & Za'aba Helmi Khamisan. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. *Dalam Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan Universiti Teknologi Malaysia*. Dibentangkan pada 22-23 Oktober 2008. Hlm. 1-18.
- Bahrom, Z. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran Dan Hikmah. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III*. 74-85.
- Cohen, A. (1992). Antecedents of organizational commitment across occupational groups: A meta-analysis. *Journal of Organizational Behavior*. 13(6), 539-558.
- Nur Eliza, N., Aini, T. S., & Yusmini. (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazalli. *Journal of Islamic Educational Research*, 6, 52–63.
- Glick, W. H. (1985). Conceptualizing and Measuring Organizational and Psychological Climate: Pitfalls in Multilevel Research. *Academy of Management Review*. 10(3), 601-616.
- Hartanto, W. (2016). Penggunaan E-Learning sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*. 10(1), 1-15.
- Hashim, F., Rosli, F. F., & Elias, F. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 151–162.
- Herold, D. M., Fedor, D. B., Caldwell, S., & Liu, Y. (2008). The Effects of Transformational and Change Leadership on Employees' Commitment to a Change: A Multilevel Study. *Journal of Applied Psychology*. 93(2), 346-357.
- Rohani Arbaa et.al. (2010). Hubungan Guru-Pelajar Dan Kaitannya Dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 35(2), 61-69.
- Ishak, A. A., & Mir Ahmad Talaat, A. Z. (2020). Pembelajaran atas Talian: Tinjauan terhadap Kesediaan dan Motivasi dalam kalangan pelajar Diploma Logistik dan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(4), 68-82.
- Ismail, O. C. H. A. (2015). Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja Guru Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina |. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(2), 42-57.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Falsafah Pendidikan Islam*.
- Lumley, E. J., Coetzee, M., Tladinyane, R., & Ferreira, N. (2011). *Exploring the job satisfaction and organisational commitment of employees in the information technology environment*. 15(1), 100–118.
- Meyer, J. P., Allen, N. J., & Smith, C. A. (1993). Commitment to Organizations and Occupations: Extension and Test of a Three-Component Conceptualization. *Journal of Applied Psychology*. 78(4), 538-551.
- Mohamad Khairi Othman, & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah Dan Guru

- Dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni. *Journal of General Studies*, 117–130.
- Mohamad, R., Kasim, D. A. L., Zakaria, S., & Nasir, F. M. (2016). Komitmen Guru Dan Kepuasan Kerja Guru Di Sekolah Menengah Harian Berprestasi Tinggi Dan Berprestasi Rendah Di Daerah Kota Bharu, Kelantan. *Prosiding ICECRS*. 1(1), 863-874.
- Mohd Noor, A. F. Bin, & A Shukor, K. (2020). Kurikulum Pendidikan Islam Para Sahabat: Satu Sorotan. *al-Munzir*. 12(2), 209-224.
- Muhamed Ganasan, H., & Azman, N. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(10), 25-40.
- Mukromin, M. (2019). Pemikiran Imam Al-Ghazali Dalam Pendidikan Islam. *Paramurobi: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 2(1), 33-42.
- Noreenmayaeranna Kamaruddin & Ruslin Amir. (2021). Kesediaan Guru Terhadap Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah Dalam Mendepani Norma Baharu (Teacher Readiness for Home Learning In Facing the New Norms). *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(3), 308-319.
- Norhannan Ramli, Nor Zanariah Talib, & Zaharah Hussin. (2016). Fungsi komitmen sebagai mediator bagi hubungan biah sekolah terhadap prestasi Guru Pendidikan Islam. *Online Journal of Islamic Education*. 4(2), 9-22.
- Nurdin, A. (2016). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Di Era Information And Communication Technology. *Tadris: Jurnal Pendidikan Islam*, 11(1). 49-64.
- Hasbullah et.al. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. 17(9), 75-89.
- Rozak, A. (2020). Profesionalisme Guru Perspektif Islam. *Fikrah : Journal of Islamic Education*. 1(1), 61-71.
- Setiyowati, A., Salsabila, U. H., Zulaika, R.,et.al. (2020). Peran Teknologi Pendidikan Dalam Penggunaan E-Learning Sebagai Platform Pembelajaran Dimasa Pandemi C0Vid-19. *Edureligia: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 4(2), 196-206.
- Sidiq, U. (2018). Etika dan Profesi Keguruan. PT. Indragiri Dot Com. Tembilahan, Riau.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(Edisi Khas), 46-57.
- Somantri, D. (2021). Abad 21 Pentingnya Kompetensi Pedagogik Guru. *Equilibrium: Jurnal Penelitian Pendidikan Dan Ekonomi*. 18(2), 188-195.
- Sutisna, D., Indraswati, D., & Sobri, M. (2019). Keteladanan Guru sebagai Sarana Penerapan Pendidikan Karakter Siswa. *JPDI (Jurnal Pendidikan Dasar Indonesia)*. 4(2), 29-33.
- Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017a). Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu. *Journal of*

Islamic Educational Research (JIER). 2. 36-53.

Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017b). Permasalahan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Membentuk Personaliti dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017*. 276-290.

Wahid, A. H., Muali, C., & Sholehah, B. (2018). Pendidikan Akhlak Perspektif Al-Ghazali. *At-Tajdid: Jurnal Ilmu Tarbiyah*. 7(2), 190-205.

JAWATANKUASA JURNAL PENGAJIAN ISLAM

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
<http://journal.kuis.edu.my/e-jurnal-pengajian-islam/>